



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

5/2023

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN NASIONAL (MPKN) BILANGAN 1 TAHUN 2023

Kuala Lumpur, 7 Februari - YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah mempengerusikan Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN) Bilangan 1 Tahun 2023 yang diadakan di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Mesyuarat telah dihadiri oleh YB Timbalan Menteri KUSKOP, Exco Keusahawanan Negeri (Sabah, Sarawak, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Melaka dan Johor), pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi di peringkat persekutuan dan negeri yang terlibat.

Mesyuarat MPKN pada hari ini telah membincangkan mengenai cadangan pelaksanaan pendaftaran Status Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk program bantuan kewangan PMKS. Turut diberi penelitian adalah mengenai langkah intervensi bagi menangani isu kenaikan harga bahan mentah yang dihadapi oleh PMKS terutamanya di peringkat akar umbi. Mesyuarat juga memperincikan cadangan pembangunan Pusat Pengumpulan Jualan Produk Usahawan di peringkat negeri.

YB Menteri KUSKOP menekankan bahawa selaras dengan penerapan norma baharu untuk memastikan kelangsungan operasi perniagaan, semua pihak haruslah sama-sama menggembeng usaha terutamanya dalam menyokong dan menggalakkan usahawan termasuk koperasi bagi mengadaptasi teknologi dan digitalisasi supaya mereka kekal relevan dan kompetitif seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Selain itu, mesyuarat telah dimaklumkan mengenai prestasi pelaksanaan PMKS bagi tahun rujukan 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. KUSKOP juga telah membentangkan program-program keusahawanan utama di bawah kementerian bagi tahun 2023 dan terma rujukan pelaksanaan Majlis Pembangunan Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah (MPUKPPD).

MPKN dibentuk sebagai platform utama bagi menyelaraskan dasar dan hala tuju pembangunan keusahawanan dan koperasi yang inklusif antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. MPKN juga berperanan dalam mewujudkan kerjasama yang kolektif di antara KUSKOP dan semua pihak berkepentingan di peringkat persekutuan dan negeri bagi memastikan pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) akan memberi impak yang lebih holistik kepada ekosistem keusahawanan negara.

KUSKOP sentiasa komited dan kekal konsisten bagi membangunkan usahawan yang lebih cekal, berdaya maju, proaktif, kompetitif dan inovatif serta berupaya menampan situasi di luar jangkaan pada masa hadapan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

7 Februari 2023

